



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SATU KAJIAN KES TENTANG PENGLIBATAN KELUARGA MENGENDALIKAN BEKAS PENAGIH DADAH DI NEGERI SEMBILAN

AISYAH BINTI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka penglibatan keluarga, cabaran dan strategi keluarga dalam mengendalikan bekas penagih dadah di Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Prosedur pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur. Seramai tujuh orang peserta kajian yang terdiri daripada empat orang ahli keluarga dan tiga orang bekas penagih dadah dipilih dengan menggunakan kaedah sampel bertujuan. Hasil kajian mendapati penglibatan keluarga merupakan satu proses penyesuaian bagi mengendalikan bekas penagih dadah. Keluarga juga menempuh cabaran dalam mengendalikan bekas penagih dadah kerana pengaruh dalaman dan luaran. Bagi mengatasi cabaran tersebut, keluarga mempunyai strategi tersendiri iaitu membentuk intervensi psikososial yang terdiri daripada tingkah laku, personaliti dan persekitaran. Kesimpulannya, keluarga perlu mendekatkan diri dengan bekas penagih dadah bagi memotivasikan mereka untuk meneruskan kehidupan. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan kefahaman dan intervensi keluarga bagi mengendalikan bekas penagih dadah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

A CASE STUDY ON THE INVOLVEMENT OF FAMILIES IN HANDLING FORMER DRUG ADDICTS IN NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

The purpose of this study is to explore the involvement of family members, their challenges and their strategies in handling former drug addicts in Negeri Sembilan. This study utilized qualitative case study approach. Data collection procedure was carried out using semi-structured interview protocol. Seven participants consisted of four family members and three former drug addicts were selected using purposive sampling. The result indicated that the involvement of families in handling former drug addicts is an adaptation process by family. Families are facing challenges in handling former drug addicts due to internal and external influences. To overcome this challenges, every family has their own strategy which is creating the psychosocial interventions including behaviour, personality and environment. In conclusion, the family needs to form a close bonding with the former drug addicts by motivating them to carry on with life. The implication of this study could enhance the understanding and family interventions in handling former drug addicts.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI RAJAH

xii

SENARAI SINGKATAN

xiii

SENARAI LAMPIRAN

xiv

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar Belakang Kajian

2



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vii

| | | |
|-------|-------------------------|----|
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 10 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 16 |
| 1.4.1 | Objektif Umum | 16 |
| 1.4.2 | Objektif Khusus | 17 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 17 |
| 1.6 | Kesignifikanan Kajian | 17 |
| 1.7 | Definisi | 21 |
| 1.8 | Kerangka Konsep Kajian | 24 |
| 1.9 | Skop dan Batasan Kajian | 24 |
| 1.10 | Rumusan | 34 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

ptbupsi
32

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

| | | |
|-----|-------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan | 35 |
| 2.2 | Kajian Literatur Dalam Negara | 36 |
| 2.3 | Kajian Literatur Luar Negara | 39 |
| 2.4 | Rumusan | 43 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**BAB 3****METODOLOGI**

| | | |
|-----|---------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 44 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 45 |
| 3.3 | Instrumen Kajian | 46 |
| 3.4 | Peserta kajian | 47 |
| 3.5 | Prosedur Pengumpulan Data | 48 |
| 3.6 | Prosedur Analisis Data | 51 |
| 3.7 | Peranan Pengkaji | 53 |



| | | |
|------|------------------------------|----|
| 3.8 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 54 |
| 3.9 | Etika Kajian | 55 |
| 3.10 | Rumusan | 56 |

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

| | | |
|-------|-------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan | 57 |
| 4.2 | Latar Belakang Peserta Kajian | 58 |
| 4.2.1 | Keluarga A | 59 |
| 4.2.2 | Keluarga B | 60 |





| | |
|------------------|----|
| 4.2.3 Keluarga C | 61 |
|------------------|----|

| | |
|-------------------------------------|----|
| 4.3 Dapatan Kajian Keseluruhan Tema | 62 |
|-------------------------------------|----|

| | |
|--|----|
| 4.4 Dapatan Kajian Persoalan 1: Penglibatan keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 65 |
|--|----|

| | |
|-----------------------------------|----|
| 4.4.1 Proses Penyesuaian keluarga | 66 |
|-----------------------------------|----|

| | |
|--|----|
| 4.5 Dapatan Kajian Persoalan 2: Cabaran keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 76 |
|--|----|

| | |
|------------------------|----|
| 4.5.1 Pengaruh dalaman | 76 |
|------------------------|----|

| | |
|-----------------------|----|
| 4.5.2 Pengaruh luaran | 80 |
|-----------------------|----|



| | |
|--|----|
| 4.6 Dapatan kajian Persoalan kajian 3: Strategi keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 84 |
|--|----|

| | |
|------------------------------|----|
| 4.6.1 Intervensi psikososial | 85 |
|------------------------------|----|

| | |
|-------------|----|
| 4.7 Rumusan | 94 |
|-------------|----|

BAB 5 PERBINCANGAN

| | |
|----------------|----|
| 5.1 Pengenalan | 96 |
|----------------|----|

| | |
|----------------------------|----|
| 5.2 Rumusan dapatan kajian | 97 |
|----------------------------|----|

| | |
|------------------|----|
| 5.3 Perbincangan | 98 |
|------------------|----|

| | |
|--|-----|
| 5.3.1 Penglibatan keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 100 |
|--|-----|





| | |
|--|-----|
| 5.3.2 Cabaran keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 102 |
| 5.3.3 Strategi keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 105 |
| 5.4 Masalah atau isu yang dihadapi | 108 |
| 5.5 Implikasi kajian | 110 |
| 5.5.1 Implikasi kajian terhadap pembentukan keluarga | 110 |
| 5.5.2 Implikasi kajian terhadap perkembangan positif bekas penagih | 112 |
| 5.5.3 Implikasi kajian pemantapan aktiviti kemasyarakatan | 113 |
| 5.5.4 Implikasi kajian kepada pemerkasaan sekolah | 114 |
| 5.5.5 Implikasi kajian kepada program pemulihan AADK | 114 |
| 5.5.6 Implikasi kajian kepada penyelidikan | 115 |
| 5.6 Cadangan kajian lanjutan | 116 |
| 5.7 Rumusan | 117 |
| BIBLIOGRAFI | 119 |
| LAMPIRAN | 124 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka Surat |
|--|------------|
| 4.1 Latar belakang peserta kajian | 58 |
| 4.2 Rumusan tema dan kategori berdasarkan penglibatan keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 75 |
| 4.3 Rumusan tema dan kategori berdasarkan cabaran keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 84 |
| 4.4 Rumusan tema dan kategori berdasarkan strategi keluarga mengendalikan bekas penagih dadah | 94 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka Surat |
|---------------------------------------|------------|
| 1.1 Kerangka konsep | 24 |
| 3.1 Peserta kajian | 47 |
| 4.1 Tema berdasarkan persoalan kajian | 64 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

SENARAI SINGKATAN

AADK Agensi Antidadah Kebangsaan

MDFT Multidimensional Family Therapy



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

| | | |
|---|---|-----|
| A | Soalan Protokol Temu Bual | 125 |
| B | Pengesahan kod transkrip | 127 |
| C | Transkrip peserta kajian | 148 |
| D | Analisis dapatan kajian | 219 |
| E | Surat pengesahan pelajar membuat penyelidikan | 227 |
| F | Borang persetujuan termaklum | 228 |



05-4506832



G pustaka.upsi.edu.my

Surat kebenaran ke AADK
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



235 ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian yang dilaksanakan. Seterusnya, bab ini akan membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan kajian meliputi pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, kesignifikan kajian, kerangka kajian dan skop serta batasan kajian yang digunakan di dalam kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Scenario keluarga meminggirkan penagih dadah sentiasa terjadi dalam kalangan masyarakat. Peristiwa ini senantiasa berlaku antara kita sedar atau tidak sedar. Ada sahaja gelandangan-gelandangan yang dibuang oleh ahli keluarga atas faktor penagihan dadah. Kurangnya ilmu pengetahuan tentang strategi yang perlu diambil bagi membantu penagih dadah menjadikan keluarga membuat keputusan menjauhi mereka. Namun begitu, masih ada keluarga yang prihatin terhadap penagih dadah. Ada antara mereka yang berjaya membantu penagih dadah sehingga mereka pulih daripada penagihan dadah. Hal ini mencerminkan terdapat keluarga yang tidak berputus asa dalam memastikan bekas penagih dadah benar-benar kembali ke pangkal jalan.



yang membantu ahli keluarga lain dari aspek rawatan dan pemulihan kesihatan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan fungsi keluarga adalah mencari alternatif yang bersesuaian bagi membantu bekas penagih dadah memahami erti kehidupan sebenar. Bahkan, keluarga juga berperanan dalam menstabilkan emosi ahli keluarga. Tatkala, bekas penagih dadah dicemuh oleh masyarakat, keluarga adalah individu yang sedaya upaya menghalang bekas penagih dadah daripada terus hanyut dengan kata-kata masyarakat. Selain itu, fungsi sesebuah keluarga juga terletak kepada fungsi sosialisasi, persenyawaan dan ekonomi. Fungsi sosialisasi adalah perkembangan interaksi dan peranan ahli keluarga, pembentukan norma-norma tingkah laku yang bersesuaian selari dengan perkembangan anak-anak dan bagi meneruskan nilai-nilai budaya keluarga. Hal ini dapat ditonjolkan menerusi penglibatan keluarga yang berinteraksi dengan bekas





penagih dadah bagi memastikan mereka kekal positif dalam menjalani kehidupan sehingga kini.

Friedman (1998) turut menjelaskan fungsi pensenyawaan adalah bertujuan untuk menjamin kelangsungan dan perkembangan generasi bagi sesebuah keluarga. Fungsi ekonomi bertujuan untuk memenuhi keperluan keluarga dan meningkatkan kemampuan individu dalam menyara ahli keluarganya. Jika melihat kepada kelima-lima kefungsian keluarga yang diperkatakan oleh Friedman, terbukti bahawa setiap individu memerlukan tempat pergantungan iaitu ahli keluarga dalam menjalani kehidupan yang bahagia. Oleh itu, kajian ini melihat fungsi sesebuah keluarga yang terlibat dengan pengendalian bekas penagih dadah bagi meneruskan kehidupan mereka.



1.2.1 Penglibatan Keluarga

Penglibatan keluarga mengendalikan bekas penagih dadah adalah berkait tentang peranan yang perlu digalas oleh setiap ahli keluarga. Menurut Madanes et al (1980), penglibatan keluarga berkemungkinan menjadi punca ketagihan bagi penagih dadah atau sebaliknya, tetapi keluarga juga yang bertanggungjawab mengurus dan menjaga bekas penagih dadah melalui proses kehidupan. Oleh itu, rawatan yang berkaitan dengan penggunaan dadah dan jaringan sosial dilihat berkemampuan mengekang ketagihan dadah berulang. Perihal ini jelas menunjukkan penglibatan keluarga menjadi sumber sokongan terhadap bekas penagih dadah daripada terjebak semula ke kancan penagihan dadah.





O'Farrell and Fals-Stewart (1999) menjelaskan penglibatan keluarga dalam rawatan dan pemulihan dapat menghalang berlakunya penagihan dadah semula, walaupun ia boleh berlaku bila-bila masa sahaja. Namun begitu, pengetahuan tentang peringkat penagihan dadah semula dan tanda-tanda pada peringkat penagihan dadah semula akan membantu ahli keluarga menyedari keadaan yang berlaku dan membantu bekas penagih dadah daripada penagihan dadah semula dengan melakukan intervensi dan memastikan mereka mendapat sokongan untuk kembali kepada jalan yang benar. Situasi ini mencerminkan keterlibatan keluarga adalah perlu bagi memastikan bekas penagih dadah berjaya meneruskan kehidupan yang positif.

Terdapat juga hasil dapatan teori keluarga menunjukkan ikatan kekeluargaan sebagai pembolehubah terhadap penurunan kadar penggunaan dadah dalam remaja.



yang kuat akan membantu remaja yang ketagihan dadah daripada terpengaruh dengan rakan sebaya. Kajian juga mendapati ikatan kekeluargaan yang tinggi akan memupuk nilai-nilai keibubapaan terhadap ibu bapa dan kurang menyalahkan penggunaan dadah. Ikatan kekeluargaan ini melibatkan hubungan antara setiap ahli keluarga yang berfungsi dalam berhadapan dengan masalah seperti penagihan dadah ini.

Minuchin (2009) menjelaskan keluarga yang berfungsi dengan baik mempunyai interaksi antara sub-sistem. Sub-sistem terdiri daripada pasangan suami isteri, ibu bapa dan adik-beradik. Minuchin (2009) juga menjelaskan konsep keluarga yang terbahagi kepada keluarga asas dan keluarga luas. Keluarga asas ini melibatkan suami, isteri dan anak-anak yang akan meneruskan tradisi dan budaya bagi generasi akan datang. Keluarga luas pula melibatkan ibu, bapa, anak-anak, datuk, nenek dan saudara-mara.





Keluarga luas ini selalunya melibatkan golongan muda dan tua serta adakalanya terdiri daripada dua atau lebih generasi (Minuchin, 2009). Dalam terapi keluarga Struktural, kefungsian keluarga didapati melalui peranan sub-sistem dalam mengendalikan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Hal ini menunjukkan sub-sistem dalam sesebuah keluarga bermula daripada keluarga asas yang akhirnya membentuk sebuah keluarga luas. Setiap sub-sistem perlu bertanggungjawab terhadap peranan masing-masing dalam memastikan keharmonian dalam sesebuah keluarga. Walaupun setiap sub-sistem berhadapan sub-sistem yang mempunyai kuasa dalam keluarga dan peraturan sedia ada namun kewujudan ruang sempadan akan menjamin struktural keluarga yang aman damai. Tetapi, jika peranan tersebut tidak dapat dijayakan sebaik mungkin, maka berlaku cabaran terhadap



Setiap individu, keluarga nuklear dan keluarga luas serta masyarakat adalah satu gabungan yang saling memerlukan dan tiada seorang pun yang menolak atau berkonflik antara satu sama lain (Minuchin, 2009). Oleh itu, keluarga merupakan sumber kekuatan masyarakat. Keluarga ibarat sel-sel yang membentuk tubuh, jika keluarga baik, nescaya masyarakat pun akan menjadi baik. Jika sebaliknya, keluarga itu rosak maka masyarakat seluruhnya akan menjadi rosak (Abdul Karim, 2010).





1.2.2 Bekas Penagih Dadah

Penagih dadah adalah mereka yang mengalami simptom-simptom tertentu akibat daripada penagihan dadah. Bekas penagih dadah pula adalah mereka yang sudah mencapai kepulihan setelah melalui proses rawatan dan pemulihan. Mohamad Johdi (2012) berpendapat penagih dadah yang mendapatkan rawatan dan latihan sebagai mekanisme pemulihan diri, penagih dadah juga perlu memiliki daya tahan yang tinggi dalam memastikan diri tidak terjerumus kembali kepada penggunaan dadah. Oleh itu, keluarga yang mengendalikan bekas penagih dadah perlu membantu mereka meningkatkan daya ketahanan. Hal ini disokong oleh V. Navaratnam dan Foong (1996) dengan menyatakan penglibatan dari segi sokongan, kefahaman dan bimbingan daripada ahli keluarga, kawan, kaunselor dan sebagainya penting dalam hidup seorang



AADK misalnya berusaha menjalankan pelbagai aktiviti menerusi Program Harm Reduction seperti menjalankan program terapi gantian menggunakan methadone, menjalankan program kaunseling dan bimbingan, menjalankan program pemantauan dan penilaian 6 bulan sekali terhadap bekas penagih dadah, menjalankan program pendidikan pencegahan dadah, menyediakan khidmat rujuk dan sebagainya (AADK, 2010). AADK turut memberi perkhidmatan secara sukarela kepada individu yang terjebak dengan penagihan dadah. Hal ini menunjukkan pendekatan yang lebih terbuka kepada penagih dadah untuk mengubah dirinya.





Walaupun terdapat pelbagai kaedah dan pendekatan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan dan agensi swasta misalnya, Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Rumah Pengasih, Pusat Rawatan Darul AzZikri, Pondok Remaja Inabah, dan lain-lain lagi dalam memulih dan merawat penagih dadah dan bekas penagih dadah, namun sokongan dan galakan ahli keluarga amat penting bagi memastikan bekas penagih dadah tidak terjebak dengan penagihan dadah semula.

Mohamed Izham et al (2002) mengklasifikasikan tanda-tanda ketara yang dapat dilihat pada penagih dadah kepada empat bahagian iaitu fizikal, mental, tingkah laku dan sosial. Kesan-kesan pengambilan dadah ini sebenarnya lebih banyak menyumbang kesan negatif terhadap penagih dadah itu sendiri berbanding rasa seronok dan puas apabila menikmati dadah. Kesan-kesan penagihan dadah ini bukan sahaja



Tambahan lagi, setiap keluarga pasti berkeinginan untuk melihat perubahan tingkah laku dan sebagainya terhadap ahli keluarga yang menagih dadah. Mereka rasa bertanggungjawab dengan membelanjakan sejumlah wang, tenaga dan masa yang banyak untuk menjamin pemulihan yang kekal dan berkesan untuk ahli keluarganya. Kesan ini bakal menimbulkan perasaan cemburu dalam kalangan ahli keluarga sekiranya mereka tidak memahami situasi ini. Lantaran itu, ia boleh menyebabkan berlaku perselisihan faham, perpisahan dan perceraian antara ahli keluarga.

Kesan penagihan dadah terhadap masyarakat pula melibatkan ketidakstabilan struktur masyarakat dari segi emosi, pergaulan dan permuafakatan. Masyarakat sering memberi tanggapan serong terhadap penagih dadah dan bertindak memulaukan mereka





tanpa alasan yang kukuh. Situasi ini sudah tentu mengugat perasaan penagih dadah dan bekas penagih dadah dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Ekoran itu, masyarakat perlu memahami keadaan yang dialami oleh penagih dadah dan keluarga mereka.

1.2.3 Kepentingan Keluarga Terhadap Bekas Penagih Dadah

Kepentingan keluarga dalam mengendalikan bekas penagih dadah terletak kepada kerjasama yang diberikan kepada AADK. Kerjasama yang keluarga berikan kepada AADK adalah dengan menyertai sesi kaunseling keluarga bersama dengan penagih dadah. Di samping itu, keluarga diberikan pengetahuan terhadap permasalahan penagihan dan langkah-langkah yang perlu diambil apabila melihat ada tanda-tanda



Kepentingan keluarga dalam mengendalikan bekas penagih dadah juga melibatkan penerimaan semula penagih dadah dalam keluarga. Utusan Malaysia (23 Oktober 2004) menekankan penagih bukannya penjenayah tetapi pesakit. Apabila bekas penagih dadah pulang semula ke pangkuhan keluarga, ia bermakna keluarga perlu bertanggungjawab membimbing penagih dadah ini untuk berdepan dengan masyarakat setempat dan memberi galakan serta sokongan penuh kepada bekas penagih dadah. Secara tidak langsung, layanan keluarga terhadap penagih dadah juga penting dalam membantu bekas penagih dadah.





Kepentingan keluarga dalam mengendalikan bekas penagih dadah juga bergantung kepada sikap ahli keluarga. Menurut Utusan Malaysia (23 Oktober 2004), ibu bapa harus mengubah sikap apabila berhadapan dengan penagih dadah ini dengan tidak membuang atau tidak lagi mengaku anak malah berusaha membantu anak-anak mereka yang terjebak dengan najis dadah. Secara tidak langsung, sikap ibu bapa juga menentukan kepulihan penagih dadah. Bukan itu sahaja, adik-beradik juga memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang penagih dadah. Seandainya, adik-beradik bertindak sebagai pembimbing kepada penagih dadah, besar kemungkinan, penagih dadah akan merasakan mereka turut dihargai dan disayangi oleh ahli keluarganya.

Secara tidak langsung, banyak kajian memperlihatkan faktor rawatan dan pemulihan serta kekuatan diri juga perlu dibantu oleh bentuk-bentuk sokongan lain



terhadap penagih dadah dalam keluarga. Hasil kajian ini menunjukkan penerimaan daripada ahli keluarga seperti mempamerkan sikap penyayang, lembut, sensitif dan bertolak ansur menyumbang kepada kepulihan penagih dadah itu sendiri.

Kajian luar negara yang dijalankan oleh Velleman et al (1993) juga mendapati ahli keluarga berhadapan dengan kesukaran dalam mengendalikan penagih dadah dan mereka kadang-kala ketandusan idea untuk membantu penagih dadah ini. Kajian ini jelas memperlihatkan keluarga sedaya upaya membantu bekas penagih dadah, namun kadang-kala mereka hilang arah dalam membantu penagih dadah yang boleh sahaja bertukar watak dalam sekelip mata.





Kajian Nain et al (2004) juga mendapati setelah ibu bapa atau ahli keluarga mengetahui keadaan penagih dadah, mereka menjadi lebih mesra dan lebih positif tetapi usaha mereka agak terlewat kerana pemulihan penagih dadah bukanlah suatu usaha yang mudah. Oleh itu, pencegahan dan rawatan amat penting kepada penagih dadah dalam membuktikan mereka mampu mengubah nasib diri mereka. Namun begitu, ahli keluarga jugalah yang akan menjadi kekuatan bagi diri mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu sosial yang semakin membimbangkan saban tahun di Malaysia adalah isu penyalahgunaan dadah. Statistik jumlah penagih dadah yang diperolehi daripada sistem



Pada tahun 2014, seramai 13,605 orang penagih dadah baru yang di kesan. Manakala, 8,172 orang penagih dadah berulang bagi tahun 2014. Jumlah penagih dadah baru menunjukkan corak peningkatan iaitu seramai 20,289 orang. Walaupun terdapat penurunan jumlah penagih dadah berulang bagi tahun 2015 iaitu seramai 6,379 orang, namun statistik ini jelas menunjukkan bilangan penagih dadah semakin meningkat dari hari ke hari.

Isu penyalahgunaan dadah ini seakan-akan menguasai generasi muda hingga golongan tua. Mahmood et al (2003) menjelaskan para penagih menggunakan dadah untuk pelbagai tujuan tetapi mereka tidak mampu mengelakkan daripada mengalami sindrom putus dadah. Hal ini menunjukkan penagih dadah berhadapan dengan situasi yang mencabar bagi membebaskan diri daripada najis dadah bergantung kepada jenis





dan dos dadah yang digunakan. Dadah ini dikategorikan kepada dua jenis iaitu tumbuh-tumbuhan seperti kanabis, ganja, heroin dan morfin dan dadah sintetik iaitu pil kuda dan pil *ecstacy*. Penggunaan dadah sintetik adalah lebih berbahaya kepada nyawa penagih dadah. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan keluarga tidak mengambil peduli terhadap kebajikan penagih dadah. Lantaran itu, pengkaji melihat isu kekeluargaan adalah penting bagi kajian ini dalam memastikan kelangsungan hidup penagih dan bekas penagih dadah.

Kajian Mohamed Izham et al (2002) menunjukkan faktor penagihan dadah dalam keluarga terdiri daripada masalah ibu bapa yang terlibat dengan alkohol dan dadah, perceraian, masalah kewangan atau perkara-perkara berkaitan dengan keretakan rumah tangga, penggunaan dadah oleh adik-beradik atau rakan, masalah komunikasi



dan hubungan antara ibu bapa dan anak, masalah tingkah laku dan psikologi yang sediada pada individu tersebut, percampuran yang meluas dengan rakan sebaya terbabit dengan penyalahgunaan dadah dan mudah mendapatkan bekalan dadah.

Faktor penagihan dadah juga boleh dikaitkan dengan kepincangan dalam sesebuah keluarga. Lily Mastura dan Ooi (2004) menjelaskan kepincangan dalam keluarga berlaku disebabkan keluarga tidak mengamalkan agama, keluarga yang terdedah kepada keganasan rumah tangga, keluarga yang tidak berstruktur serta layanan keluarga yang dingin dan tidak konsisten. Ianya sekaligus menjadikan ahli keluarga mempunyai konsep kendiri yang rendah, aras kebimbangan yang tinggi, emosi tertekan, lokus kawalan luaran, kemahiran penyelesaian yang tidak berkesan dan seumpamanya. Kesannya, emosi dan pemikiran setiap ahli keluarga terjejas lalu mengambil jalan





mudah dengan menagih dadah untuk berasa tenang dan damai tanpa memikirkan risiko akan datang.

Pelbagai faktor yang menyumbang kepada permasalahan keluarga. Menurut McGoldrick dan Carter (2003), keluarga akan berada dalam keadaan aman dan damai ataupun keadaan tegang pada setiap fasa perkembangan manusia. Apabila terdapat ahli keluarga yang kurang fleksibel terhadap sebarang perubahan maka simptom-simptom kepincangan berlaku dalam keluarga tersebut. Organisasi keluarga yang stabil misalnya dikaitkan dengan peranan dan fungsi setiap ahli keluarga (Minuchin, 2009).

Sebagai sebuah organisasi yang kukuh, keluarga berperanan mencegah dan membanteras masalah sosial ini. Hasil kajian Mohd Taib, Rusli dan Mohd Khairi



melibatkan anak-anak dalam proses membuat keputusan keluarga, sentiasa menjadi pendengar yang baik terhadap masalah anak-anak, serta menerapkan nilai-nilai kerohanian yang tinggi terhadap anak-anak dapat mengelakkan anak-anak daripada terlibat dengan kegiatan penagihan dadah. Kecenderungan berlakunya penagihan dadah dalam keluarga didapati berpunca daripada pola komunikasi yang longgar antara ahli keluarga dan interaksi yang kurang berkesan.

Umum mengetahui penyalahgunaan dadah ini mempunyai rentetan yang tidak kita sangka. Baru-baru ini, kes penagih dadah membunuh ahli keluarganya sendiri terpampang di kaca televisyen dan dada-dada akhbar. Akhbar Utusan Malaysia (27 Ogos 2016) melaporkan tiga beranak menjadi mangsa pembunuhan kejam oleh ahli keluarga sendiri di bawah pengaruh dadah di sebuah rumah di Kampung Bertam Malim,

